

MAJLIS PELANCARAN HARI PENJAJA DAN KONVENSYEN PENJAJA 1995
HOTEL DYNASTY, KUALA LUMPUR, 1 DISEMBER 1995

Alhamdulillah, saya bersyukur kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan daripada kalangan masyarakat penjaja di majlis yang diadakan pada hari ini. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur di atas Pelancaran Hari Penjaja dan Konvensyen Penjaja yang ulung kalinya diadakan di peringkat Kebangsaan.

2. Di Malaysia yang sedang membangun penjaja masih memainkan peranan yang tidak kecil dalam ekonominya. Namun demikian perubahan sudah pun banyak berlaku. Perkataan penjaja itu sendiri sudah tidak bermakna lagi kerana ia berasal daripada cara-cara dahulu di waktu mana penjual barangan mengandar barangan mereka dan menjaja, iaitu meneriak nama barangan yang hendak dijual di merata kampung dan jalan. Hari ini tidak ada siapa yang menjaja atau mengandar barang-barang untuk dijual. Jualan dibuat dari gerai-gerai yang kemas dan kerap kali tersusun indah. Justeru itu, penjaja sudah bukan penjaja lagi. Mereka sudah maju setahap, maju selaras dengan kemajuan negara.

3. Saya percaya kemajuan yang dicapai akan disusuli dengan banyak lagi kemajuan. Saya yakin bahawa tiap seorang yang dikenal sebagai penjaja sekarang, sebenarnya adalah peniaga kecil yang berhasrat untuk memperbaiki dan membesarkan lagi perniagaan mereka. Sebabnya yang saudara-saudari hari ini berniaga dalam gerai dan tidak lagi dengan kandar dan bakul ialah kerana perniagaan saudara-saudari sudah menjadi besar dan pelanggan datang ke gerai dan tidak lagi penjaja pergi ke rumah atau berkandar sepanjang jalan. Justeru itu, tidaklah mustahil jika perniagaan kecil sekarang ini menjadi lebih besar ataupun lebih teratur dan menarik.

4. Ramai daripada kita, terutamanya orang Melayu, yang berpendapat cara yang terbaik untuk mengaut untung yang lebih ialah dengan mengurang modal dan belanja dan menjual dengan harga yang tinggi. Tetapi keuntungan yang lebih tidak semestinya datang daripada kos yang rendah dan harga jualan yang tinggi. Keuntungan yang lebih juga boleh didapati daripada jualan yang laris kerana harga jualan yang murah.

5. Namun dalam masyarakat yang mewah, menjual dengan harga jualan yang tinggi pun boleh menarik pelanggan dan sudah tentu memberi banyak keuntungan. Tetapi kebiasaannya pelanggan lebih tertarik dengan harga yang murah.

6. Masyarakat Malaysia kian maju. Apa yang sanggup diterima oleh mereka semasa mereka kurang maju tidak akan diterima oleh mereka sekarang. Hari ini mereka bukan sahaja ingin membeli

barangan yang mereka suka dalam apa jua keadaan. Hari ini mereka ingin juga layanan yang baik, baik daripada segi hiasan, baik daripada segi layanan, baik daripada segi kualiti dan baik daripada segi segala-galanya.

7. Jika kita akui hakikat ini maka kita tentu sanggup menjaga kebersihan gerai, bangunan dan hiasan yang bermutu tinggi dengan layanan yang tertib dan baik.

8. Maksud saya ialah peniaga tidak rugi jika membelanja lebih sedikit untuk mempunyai gerai yang bersih dan cantik serta menyediakan pakaian jurujual yang bersih dan hiasan-hiasan lain yang bermutu. Marjin keuntungan mungkin kurang sedikit, walaupun pelanggan mungkin tidak akan rasa tertipu jika harga jualan dinaikkan sedikit untuk mendapat untung yang sama dengan dahulu.

9. Jika peniaga kecil sanggup berbuat demikian maka mutu perniagaan akan meningkat dan imej penjaja Malaysia akan naik lagi. Insya-Allah, penjaja tidak akan rugi tetapi sebaliknya akan menjadi peniaga kecil yang bermutu tinggi dengan potensi untuk maju setahap lagi.

10. Satu hari masyarakat Malaysia akan lebih mewah dan tidak ramai lagi akan makan atau membeli-belah di gerai-gerai tepi jalan kerana mengutamakan semata-mata harga murah. Mereka akan ke kedai biasa yang bertaraf tinggi. Apabila sampai ke masa itu, penjaja sepatutnya sudah sampai ke taraf yang sama, bersedia dengan kedai bertaraf tinggi yang dapat memenuhi selera dan kemampuan masyarakat yang lebih mewah ini. Demikian di negara yang sudah maju penjaja hampir tidak ada lagi. Sebaliknya terdapat banyak kedai makan yang difrancais yang lebih teratur dan selesa.

11. Benarkah setelah masyarakat Malaysia menjadi mewah dan lebih memilih maka perniagaan gerai akan hapus? Mungkin. Seperti saya terangkan tadi di Malaysia sekarang sudah tidak ada lagi penjaja yang mengandar barang, menjaja dan menjual di kampung-kampung atau di jalan-jalan. Mereka sudah ditelan zaman. Penjaja hari ini sudah diganti dengan peniaga gerai dan kedai kecil. Tidak mustahil jika satu hari, mungkin pada tahun 2020, peniaga kecil dengan gerai sementara yang condong di tepi jalan akan luput, hilang sama sekali. Hilang kerana sudah tidak ada pelanggan. Dengan kemewahan, pelanggan ingin bergaya lebih.

12. Dengan kehilangan peniaga di gerai, satu lagi cara hidup kita akan hilang, seperti kehilangan penjaja tulen melenyapkan satu cara hidup negara kita. Apakah yang kita harus buat? Yang harus kita buat ialah menaikkan taraf gerai kita, meninggikan mutu kedai dan gerai, berniaga secara lebih teratur mengikut

cara-cara perniagaan moden, membesarkan perniagaan, memindah dari gerai ke kedai kecil dan dari kedai kecil ke kedai besar.

13. Mungkin ada yang berpendapat kita harus lawan arus, kita kekalkan cara perniagaan kita, kita tentang segala usaha untuk memperbaiki perniagaan gerai di tepi jalan dan kereta sorong. Saya berpendapat melawan arus hanya akan melambatkan proses perubahan. Kita akan rugi kerana akhirnya perubahan akan berlaku juga. Pelanggan sendiri akan menuntut supaya jenis perniagaan gerai diperbaiki, bukan dengan paksaan tetapi dengan mereka membawa pembelian mereka ke tempat lain.

14. Sebaliknya mereka yang sanggup mengikut arus dan aliran, akan mengaut kejayaan, kerana mengikut selera pelanggan. Mereka akan menaikkan mutu perniagaan mereka walaupun tidak lagi sebagai pemilik gerai.

15. Satu daripada perniagaan kecil di dunia yang berjaya ialah McDonald Hamburger. Ia bermula dengan sebuah kedai hamburger kecil di luar bandar. Pemiliknya menerima cadangan supaya difrancaiskan kedainya. Dengan membangunkan sistem francais yang baik, hari ini McDonald Hamburger berkembang ke seluruh dunia. Manusia yang tidak pernah makan hamburger, orang yang suka makan nasi lemak, sudah menjadi pelanggan utama hamburger. Demikian potensi perniagaan kecil. Apakah tidak boleh kita francaiskan makanan kita, seperti nasi lemak, sate, mee mamak dan sebagainya? Tentu boleh. Inilah masa depan bagi peniaga gerai yang harus menjadi cita-cita kita semua.

16. Saya gembira kerana dijemput ke majlis pelancaran Hari Penjaja dan Konvensyen Penjaja. Pandangan saya tentang perkataan "Penjaja" bagi tuan-tuan dan puan-puan adalah pandangan saya. Saya tidak ingin memaksa pandangan saya ke atas sesiapa. Tetapi sebagai mewakili Kerajaan dan sebagai seorang yang pernah menjadi peniaga kecil, saya gembira dengan keputusan untuk mengadakan perayaan Hari Penjaja dan juga Konvensyen Penjaja. Penjaja, peniaga kecil menyumbang tidak sedikit kepada ekonomi negara. Tanpa mereka tentulah sukar bagi mereka yang berpendapatan rendah menikmati kehidupan yang selesa. Tanpa mereka inflasi sifar atau inflasi yang rendah tidak akan tercapai di negara kita.

17. Kita perlu tentukan apakah tujuannya Hari Penjaja. Apakah tujuannya untuk memperingati kita bahawa kita adalah penjaja atau apakah tujuannya untuk menaikkan taraf perniagaan kita sehingga kita tidak menjadi penjaja lagi? Mungkin juga tujuan Hari Penjaja dan Konvensyen Penjaja ialah untuk memperbaiki prestasi dan imej penjaja, menjadi usaha ini lebih berdaya maju dan lebih progresif.

18. Konvensyen adalah tempat kita membuat resolusi. Tentulah sebahagian daripada resolusi yang akan dibuat ialah untuk mendesak Kerajaan membantu penjaja dengan berbagai-bagai cara lagi, mendesak kuasa-kuasa tempatan supaya tidak terlalu keras dalam menangani masalah kegiatan perniagaan penjaja dan lain-lain lagi. Kerajaan akan menimbang dengan penuh simpati akan sungutan, rungutan dan rayuan daripada penjaja.

19. Tetapi tidak kurang pentingnya ialah saudara-saudari membincang dan mencadangkan akan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh penjaja sendiri, bagaimana memajukan lagi perniagaan penjaja, menyemak dan mengkaji serta mempelajari contoh-contoh penjaja yang maju, mencari jalan untuk mengadakan "network" atau rangkaian perniagaan penjaja, mengesan cara-cara baru perniagaan kecil di dalam dan di luar negeri yang boleh menjadi contoh.

20. Saya harap agenda kedua yang bergantung kepada tindakan penjaja sendiri diberi perhatian yang serius. Mendesak orang lain tentulah mudah tetapi orang lain mempunyai "priority" lain. Mendesak diri sendiri lebih mudah kerana kita sendiri akan menentukan "priority"nya.

21. Peningkatan keuntungan boleh dicapai melalui berbagai-bagai cara, dan bukan hanya mengurangkan sedikit sukatan atau menaikkan harga. Ada kalanya menurunkan harga boleh menambah keuntungan kerana penjualan lebih laris. Demikian juga kebersihan mungkin memerlukan tambahan belanja tetapi mungkin menambah keuntungan kerana dapat menarik lebih banyak pelanggan dan lain-lain.

22. Saya tidak berhajat memberi terlalu banyak nasihat kerana ia mungkin membosankan. Saya juga tidak berminat membuat terlalu banyak janji kerana mungkin saya tidak dapat tunaikan semua janji saya. Tetapi percayalah Kerajaan yang memerintah hari ini bersimpati dengan penjaja. Jika aturan peraturannya yang dikenakan ternampak menyusahkan, sebabnya ialah kerana ia mendatangkan manfaat kepada negara dan juga kepada penjaja sendiri. Sebab itu walaupun banyak aturan peraturannya diperkenalkan, bilangan penjaja masih bertambah. Tentulah tidak akan ada pertambahan jika aturan peraturannya ini merugikan.

23. Seperti dengan perniagaan-perniagaan lain soal modal merumitkan perniagaan penjaja. Perkara ini akan diberi perhatian oleh Kerajaan. Ada beberapa cara untuk mengatasi masalah ini dan Kerajaan akan mengkajinya dengan positif.

24. Perbadanan Jaminan Credit (CGC) boleh menyemak semula syarat-syarat serta had yang dikenakan sekarang supaya sesuai dengan keadaan harga semasa. Para penjaja yang memerlukan

bantuan hendaklah dibantu dengan secukupnya untuk membangun atau memperluaskan perniagaan. Walaupun begitu, para penjaja juga perlu bersikap bertanggungjawab dan tidak mengambil kesempatan membelanjakan pinjaman untuk perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan perniagaan.

25. Mengenai peranan persatuan-persatuan penjaja pula, saya amat mengharapkan supaya mereka berperanan besar dalam membantu meningkatkan lagi disiplin para penjaja kerana disiplinlah yang akan menentukan maju atau mundurnya diri seseorang. Persatuan-persatuan penjaja hendaklah berusaha lebih giat lagi dengan mengadakan aktiviti-aktiviti dan program-program yang menjurus ke arah pembentukan disiplin ini. Seboleh-bolehnya setiap ahli persatuan hendaklah dipastikan menyertai aktiviti dan program yang diadakan. Di samping itu, usaha-usaha yang berterusan hendaklah dilakukan supaya setiap penjaja yang ada di negara ini mendaftarkan diri menjadi ahli persatuan di peringkat tempatan dan seterusnya di peringkat kebangsaan. Pembentukan satu masyarakat penjaja yang berwawasan dan mempunyai jatidiri serta harga diri sepatutnya menjadi misi kepada setiap persatuan penjaja baik di peringkat tempatan mahupun di peringkat kebangsaan.

26. Dengan harapan-harapan ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Pelancaran Hari Penjaja dan Konvensyen Penjaja 1995.